

# Berita Bandaraya

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## DENGGI MEMBUNUH...



Datuk Bandar Kuala Lumpur menyerahkan MLTD kepada wakil penduduk Kg. Sg. Penchala.

Wabak demam denggi melanda negara ini sejak tahun 1998. Sekali lagi pada tahun 2002, ia dikesan dengan timbulnya virus *Dengue 3* sebagai 'pre-dominant infection' dan dijangka lebih serius bagi mereka yang dijangkiti.

Pada 13 September 2002, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Y.Bhg Datuk Mohamad Shaid Bin Mohd. Taufek telah berjumpa dan mengadakan sesi penerangan kepada penduduk Kg. Sg. Penchala sebaik sahajadimaklumkan wabak denggi di kawasan tersebut agak teruk. Pada majlis tersebut, Y. Bhg Datuk Mohamad Shaid juga telah melahirkan rasa simpati dan mengucapkan takziah kepada mereka yang telah kehilangan ahli keluarga akibat demam denggi. Di majlis tersebut juga, Y. Bhg Datuk Bandar telah menyerahkan sebanyak 300 unit *Mosquito Larva Trapping Device* (MLTD) kepada wakil penduduk Kg. Sg. Penchala secara percuma.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah meningkatkan kawalan dan menjalankan aktiviti semburan pengasapan dengan menggunakan kaedah baru. Kaedah baharu ini iaitu *Ultra Low Volume* kabusnya tidak begitu jelas kelihatan seperti *Thermal Fogging*. Walau bagaimanapun kabusnya meresapi ke kawasan yang luas dari tempat semburan.

DBKL telah mengedarkan 3,000 MLTD untuk mengawal peningkatan populasi nyamuk aedes di premis kediaman teres dan rumah pangsa. DBKL juga telah mengadakan Klinik Bergerak Denggi yang mana ianya beroperasi untuk memantau demam denggi di Kg. Sg. Penchala. Klinik ini bukan untuk memberi rawatan tetapi hanya untuk mengesan pesakit demam denggi dan akan dirujuk ke hospital jika pesakit disyaki mengidap demam tersebut. Bagi bulan September, DBKL akan menjalankan aktiviti klinik bergerak ke kawasan Kg. Sg. Penchala seperti yang berikut :

1. 16.9.2002	5.00 petang - 8.00 malam
2. 19.9.2002	5.00 petang - 8.00 malam
3. 21.9.2002	9.00 pagi - 12.00 tengahari
4. 22.9.2002	9.00 pagi - 12.00 tengahari
5. 25.9.2002	5.00 petang - 8.00 malam
6. 28.9.2002	5.00 petang - 8.00 malam

DBKL menasihatkan kepada mereka yang menghidap demam mendadak (*Akut on-set*); suhu demam yang tinggi (39-40°C); sakit sendi/otot dan sakit di rongga mata; ada ruam; tanda pendarahan di mata, tekak dan hidung adalah dinasihatkan agar segera berjumpa doktor. Mereka dinasihatkan untuk meminta diperiksa *Torniguest* atau *Hess Test* untuk dilihat tanda pendarahan di badan.

Y. Bhg Datuk Mohamad Shaid mengingatkan kepada orang ramai agar sentiasa memeriksa jika terdapat takungan air dan menggunakan abate untuk mengawal pembiakan jentik-jentik, jangan dedahkan tubuh pada gigitan nyamuk pada waktu senja atau subuh, memakai pakaian berwarna cerah ber lengan panjang dan berseluar panjang, sembur aerosol kawal serangga dalam rumah terutama ditempat gelap, bawah perabot, tempat simpan kasut dan perhiasan dalam rumah.

## Rencana Pengarang

Pertukaran cuaca yang berselang seli antara panas dan hujan boleh menjadikan kawasan Kuala Lumpur satu habitat yang sesuai untuk nyamuk aedes membiak.

Peningkatan angka jangkitan penyakit demam denggi terutama di kawasan Datuk Keramat, Keramat Wangsa, Setiawangsa, Taman Melati, Genting Kelang, Gombak Setia dan Bukit Angkasa harus diberi perhatian oleh semua pihak.

Bagi DBKL, usaha penyemburan serta kempen dan penerangan tentang aedes-denggi telah di pertingkatkan untuk memastikan penyakit ini terkawal.

Kerja-kerja penyemburan asap untuk membunuh nyamuk dewasa (fogging) dilaksanakan sendiri oleh DBKL dan 7 buah syarikat swasta yang dilantik oleh DBKL. Khidmat semburan asap adalah dibuat secara percuma dan orang ramai tidak perlu membayar apa-apa.

Aktiviti pemeriksaan premis untuk mencari dan memusnahkan pembiakan jentik-jentik yang meliputi rumah kediaman dan tapak pembinaan juga telah dilaksanakan dan dipergiatkan lagi. Disamping itu gotong-royong bersama penduduk tempatan telah diaturkan dan melalui Jabatan Pendidikan para pelajar sekolah telah diberi maklumat dan kesedaran tentang bahaya denggi dan cara menghapuskannya.

Semua pihak perlu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan kawasan mereka bebas dari ancaman denggi.

### Pepatah Arab

Kesihatan adalah kekayaan yang pertama

Jabatan Kerja Awam  
Tingkat 17, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut  
03-2699 3597

Jabatan Seni Taman & Kawalan Pembersihan Bandar  
Tingkat 16, Menara Dato' Onn, PWTC  
03-4045 3320

Direktorat Penguatkuasaan  
Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah Blok A,  
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.  
03 - 4023 1133

Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan  
Tingkat 8, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut  
03-2691 6011 samb. 3806/3868

Jabatan Pengangkutan Bandar  
Tingkat 19 Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut.  
03 - 2691 0555

Jabatan Kesihatan  
Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran,  
Km.4, Jalan Cheras.  
03 - 9284 5166

Jabatan Pengurusan Penjaja & Perniagaan Kecil  
Tingkat 4, Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut.  
03 - 2698 6989

Jabatan Pelesenan  
Tingkat Bawah, Bangunan Bank Utama  
56, Jalan Tuanku Abdul Rahman.  
03 - 2698 6177 samb. 100

Jabatan Pengurusan Perumahan  
Tingkat Bawah,  
No. 12, , Jalan Tuanku Abdul Rahman.  
03 - 2691 2112

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai  
Tingkat 15, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.  
03 - 2691 6011

Hotline DBKL  
03-4022 0033  
(Banjir, lemas, tanah runtuh, jalan berlubang)  
03-9284 3636/9284 3434  
(Binatang berbisa, pokok tumbang)

Talian Aduan Awam  
Bhg. Hal Ehwal Awam  
03-2699 3852/ 2697 7097

**Hari Mesra Pelanggan**  
(Sabtu Minggu 2 & 4 setiap bulan)  
9.00 pagi - 12 tengahari

**Tele-Kaunseling Kuala Lumpur (24 jam)**  
Bebas Tol : 1800-882-600  
No. Telefon : 03-2699 3930

**Penasihat**  
Halimah Binti Osman  
**Ketua Editor**  
Zainuddin Bin Hj. Mohd. Zain  
**Editor**  
Sufiuddin Bin Ibrahim  
**Sub Editor**  
Nanin Binti Hj. Hashim  
Suriyana Binti Ismail

**Jurufoto**  
Mubarak Bin Mohd. Atan  
Abd. Khani Bin Md. Shohor  
Md. Ismail Bin Isnin  
**Cetakan**  
Unit Repografi  
Jabatan Pengurusan Organisasi  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

**Alamat Editor**  
Berita Bandaraya  
Bahagian Hal Ehwal Awam  
Jabatan Pengurusan Organisasi  
Tingkat 5, Bangunan DBKL  
Atau berhubung dengan  
Suriyana Binti Ismail  
Tel: 03-2691 6011 samb. 3851  
Faks: 03-2694 1373  
E-mel: aklbar@dbkl.gov.my

## SUKMA XI, SABAH

Penyerahan Bendera Kuala Lumpur kepada Ketua Kontinjen Kuala Lumpur iaitu Y.Bhg Datuk Halijah Bt. Othman ke SUKMA IX, Sabah telah disempurnakan oleh Y.Bhg Datuk Mohamad Shaid Bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur. Majlis ini telah diadakan di ruang legar bangunan DBKL pada 30 Ogos 2002.

Turut hadir pada hari tersebut ialah Y.Bhg Datuk Haji Ruslin Bin Haji Hasan, Ketua Pengarah, DBKL, Encik Abu Bakar Bin Haji Abdullah, Ahli Lembaga Penasihat DBKL serta para atlit dan pegawai yang akan ke SUKMA IX, Sabah.

Semasa memberi ucapan, Y.Bhg Datuk Halijah menyatakan bahawa atlit-atlit Kuala Lumpur telah menjalani latihan intensif selama 3 bulan dengan perbelanjaan RM1.3 juta sebagai persediaan menghadapi sukan berprestij ini. Jika pada Sukma ke-VIII di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dapat meraih 33 pingat emas, 33 pingat perak dan 36 pingat gangsa, maka pada tahun ini para atlit perlulah bekerja lebih keras dan bersungguh-sungguh untuk mencapai lebih daripada itu, dan berusaha untuk

membaiki pencapaian untuk menjadi pasukan yang teratas.

Y.Bhg Datuk Mohamad Shaid juga berharap agar kontinjen Kuala Lumpur ke SUKMA IX dapat mencapai lebih banyak pingat terutamanya pingat emas supaya kedudukan kontinjen Kuala Lumpur lebih baik daripada tahun sebelumnya. Y.Bhg Datuk juga meletakkan Kuala Lumpur akan pulang dengan 46 pingat emas pada SUKMA IX kali ini.



Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama-sama Kontinjen Kuala Lumpur ke Sukma IX Sabah.

## CUKAI PINTU & OPERASI SITA

Gerakan operasi menyita yang dilaksanakan pada 22 Ogos 2002, seawal jam 8.30 pagi adalah merupakan lanjutan daripada gerakan yang telah dijalankan sebelum ini. Gerakan operasi sita yang ke-5 ini dibuat ke atas waran tahanan yang telah dikeluarkan di pertengahan bulan Jun 2002. Gerakan kali ini dibuat di kawasan Taman Jinjang Baru, Taman Pusat Kepong, Taman Komersial Kepong dan Kepong Entrepreneurs Park.

Dari 16 buah premis yang terlibat dalam operasi ini, hanya tujuh buah premis sahaja yang membuat pembayaran. Jumlah tunggakan yang dapat dikutip serta merta ialah RM48,595.98, manakala barang-barang mudah alih yang disita ialah sebuah

motosikal, sebuah televisyen dan sebuah mini hifi.

Usaha-usaha dilakukan bertujuan untuk menyedarkan pembayar cukai tentang kewajipan menjelaskan tunggakan cukai taksiran mereka dengan segera kerana ada diantara mereka mempunyai tunggakan yang melebihi tujuh tahun. Semua prosedur menguatkuasakan kutipan termasuk pengeluaran notis dan waran juga telah dilaksanakan.

Kepada semua warga kota yang masih mempunyai tunggakan, dinasihatkan supaya segera menjelaskan cukai pintu masing-masing sebelum harta alih dan tak alih mereka disita.

## INDAHNYA SENI

Program Lanai Seni di Lanai Seni, Laman Tuanku Abdul Razak telah mengumpulkan pengiat-pengiat seni tanah air dengan aktiviti-aktiviti yang tersendiri setiap hujung minggu yang bersifat interaktif. Persembahan di sini merupakan pelepasan yang akan menyubur dan mengembangkan kesenian kebudayaan di kalangan warga kota, malah ianya juga menarik minat

pelancong-pelancong asing yang datang ke Kuala Lumpur.

Semenjak Lanai Seni diperkenalkan kepada umum Jun lalu, sebanyak 5 persembahan dari pelbagai cabang seni telah diadakan. DBKL berharap lebih banyak lagi penyertaan daripada warga seni untuk menghidupkan lagi suasana malam di Kuala Lumpur terutama hujung minggu.